

# KATA ALUAN

**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**

Pendidikan Bermutu, Insan Terdidik, Negara Sejahtera



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada sidang redaksi, pihak pentadbir, guru-guru serta semua warga sekolah yang telah berusaha gigih menjayakan penerbitan majalah sekolah ini. Majalah sekolah merupakan cerminan budaya kecemerlangan, kreativiti dan semangat kebersamaan yang menjadi tunjang kepada pembangunan sahsiah serta potensi murid.

Penerbitan majalah sekolah ini mencerminkan komitmen pihak sekolah dalam menyokong usaha Kementerian Pendidikan (KPM) bagi memastikan pendidikan negara bergerak seiring dengan kemajuan global. Penerbitan majalah sekolah ini merupakan satu wadah yang amat bermakna dalam merakamkan segala pencapaian akademik, kokurikulum dan pembentukan nilai murni sepanjang tahun. Ia turut mencerminkan semangat kerjasama, nyala rasa dan komitmen warga sekolah dalam memastikan kecemerlangan pendidikan terus diperkasakan.

Saya percaya usaha murni ini mampu menyemai rasa bangga terhadap sekolah serta memberi inspirasi kepada murid untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang selaras dengan wawasan dan hala tuju Rancangan Pendidikan Malaysia 2026 – 2035.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan majalah ini. Saya berharap agar majalah sekolah ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai sumber inspirasi, motivasi dan rujukan, bukan sahaja kepada warga sekolah, malah kepada masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. MOHD AZAM BIN AHMAD